# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 22 APRIL 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5. | MAFI BERI JAMINAN BARANGAN KEPERLUAN CUKUP MENJELANG AIDILFITRI, BH -ONLINE<br>MAFI JAMIN BEKALAN AYAM, TELUR MENCUKUPI UNTUK AIDILFITRI, NASIONAL, SH -9<br>SHORTAGE OF GRADE C CHICKEN EGGS IN MALACCA, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3<br>GRADE C EGGS SHORTAGE IN MELAKA DUE TO RAMADHAN, NEWS IN BRIEF, NST -8<br>GOING GREEN, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 6. | PERUNTUKAN RM9.93 JUTA BANTU PESAWAH TERJEJAS BANJIR, ASTRO AWANI -ONLINE | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19.<br>20.<br>21. | 22 BARANGAN DISENARAI SKIM HARGA MAKSIMUM, NASIONAL, SH -9<br>SISTEM AP PUNCA HARGA MAKANAN ASAS TINGGI, SH -9<br>PELUANG PRODUK TEMPATAN TEMBUSI PASARAN DI THAILAND, HM -ONLINE<br>MALAYSIA LAUNCHES CAMPAIGN TO PROMOTE LOCAL PRODUCTS, PENETRATE THAI MARKET, BORNEO POST -ONLINE<br>MALAYSIA ANJUR 'TASTE OF MALAYSIA' USAHA TEMBUSI PASARAN THAILAND, SH -ONLINE<br>SHMMP HARI RAYA PUASA 2022 MELIBATKAN 22 BARANGAN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE<br>22 BARANGAN DISENARAI SKIM HARGA MAKSIMUM PERAYAAN, SH -ONLINE<br>2022 AIDILFITRI SHMMP:FROM APRIL 26 TO MAY 6 INVOLVING 22 ITEMS, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE<br>PRICE CONTROL FOR COOKING OIL EXTENDED TO MAY 31, GUANG MING DAILY -ONLINE<br>HARGA 22 BARANGAN KEPERLUAN DIKAWAL, NEGARA, KOSMO -5<br>HARGA DEDAK MAHAL, RISAU JUAL DAGING LEMBU TIDAK BALIK MODAL, NEGARA, KOSMO -16<br>PENTERNAK TAK SEMBELIH LEMBU, RISAU 'TAK BALIK MODAL', DALAM NEGERI, UM -31<br>PENTERNAK RUGI IKAN BANYAK MATI, NEGARA, KOSMO -17<br>SOTONG MURAH RM5 SEKILOGRAM, NEGERI TERENGGANU, SH -29<br>HENTI BERI SUBSIDI AYAM KAWAL KENAIKAN HARGA, KOMENTAR, BH -11 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2022 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# MAFI beri jaminan barangan keperluan cukup menjelang Aidilfitri




Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee

GURUN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bekalan barangan keperluan harian mencukupi menjelang sambutan Aidilfitri.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata berdasarkan pemantauan bekalan seperti ayam dan telur juga tidak berkurangan serta berada dalam keadaan stabil

"Kita memantau ladang-ladang penternakan ayam dan telur... kita diyakinkan oleh pengusaha ladang dan pengeluar bahawa bekalan mencukupi untuk musim perayaan nanti.

"MAFI lihat dari segi perspektif bekalan, manakala harga akan dikendalikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)," katanya ketika ditemui selepas Majlis Pecah Tanah HotPack Packaging Ind.LLC, UAE di k Free The Seed Sdn.Bhd , di sini, hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Media sebelum ini melaporkan bekalan telur di beberapa negeri berkurangan susulan permintaan tinggi oleh peniaga ketika Ramadan selain peningkatan harga ayam di seluruh negara.

Rata-rata peniaga ayam dilaporkan mendakwa mereka terpaksa menaikkan harga ayam berikutan mendapat harga yang tinggi daripada pembekal.

Mengulas lanjut, Ronald berkata kos pengeluaran haiwan ternakan ketika ini meningkat berikutan harga komponen makanan ternakan yang diimport juga meningkat.

"Dari sudut pandangan MAFI, kos pengeluaran ternakan meningkat sejak dua bulan lalu.

"Kita mengimport jagung dan hampas kacang soya dari luar negara yang tertakluk kepada peningkatan (kos di luar negara) jadi tentu sekali kos pengeluaran juga meningkat dengan peningkatan kos import makanan ternakan ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |

# 22 barangan disenarai Skim Harga Maksimum

Mula berkuatkuasa pada 26 April sehingga 6 Mei ini

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

PUTRAJAYA

Sebanyak 22 jenis barangan akan ditetapkan harga maksimum semasa pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (HRP) 2022 yang melibatkan kategori hasil laut, barangan kering, sayuran dan daging.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, HRP 2022 ini akan berkuatkuasa pada 26 April sehingga 6 Mei 2022 iaitu tujuh hari sebelum, semasa dan tiga hari selepas perayaan.

Menurutnya, ia sebagai langkah menstabilkan harga barangan dan memastikan keberadaan bekalan di pasaran sebelum, semasa dan selepas perayaan.

Selain itu tambahnya, Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam juga sedang berkuatkuasa sehingga 5 Jun 2022 sebagai langkah untuk menstabilkan harga ayam dan telur ayam serta memastikan keberadaan bekalannya di pasaran.

"Jumlah barangan harga terkawal bagi pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam serta HRP 2022 adalah melibatkan 28 jenis barangan daripada kategori ayam, telur ayam, sayur, barangan kering, sayuran dan daging," katanya pada sidang media di sini pada Khamis.

Nanta Linggi menambah, bagi negeri-negeri, penentuan harga barangan dibuat mengikut kesesuaian harga pasaran semasa dan mengambil kira faktor perubahan harga.

"Khususnya bagi barangan import yang dipengaruhi oleh harga daripada negara asal, perubahan kadar tukaran mata wang dan peningkatan kos utiliti penternak," jelasnya.

Tegasnya, anggota penguat kuasa KPDNHEP akan berada di lokasi-lokasi tumpuan seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan bagi memastikan pematuhan oleh peniaga sepanjang tempoh pelaksanaan skim ini.



Alexander Nanta Linggi (dua dari kanan) menunjukkan 22 jenis barangan ditetapkan harga maksimum semasa pelaksanaan HRP 2022 di Putrajaya pada Khamis.

## 10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG KHAMIS

1. DEPOT TAHANAN DIDAKWA PADAT, KOTOR
2. TRAGEDI SAHUR, DUA BERADIK MAUT RUMAH KEDAI TERBAKAR
3. SOTONG RM5 SEKILOGRAM DISERBU PELANGGAN
4. POLIS SIASAT KES PENUNGGANG MOTOSIKAL SIKU KEPALA PEMBONCENG
5. LELAKI DUKUNG BAPA MULA CARI KERJA UNTUK SARA KELUARGA
6. 448 TAHANAN ETNIK ROHINGYA DIPINDAHKAN KE EMPAT DEPOT DI TIGA NEGERI
7. PUAD ZARKASHI DILANTIK SPEAKER DUN JOHOR
8. PENYANYI DISYAKI PUKUL BEKAS ISTERI AKAN DITUDUH DI MAHKAMAH ESOK
9. BANGUNAN SEKOLAH TIDAK SELAMAT, MURID TERPAKSA BERGILIR BELAJAR
10. BEKAS PENYELIA FELDA MENGAKU TIDAK BERSALAH PALSUKAN DOKUMEN

## MAFI jamin bekalan ayam, telur mencukupi untuk Aidilfitri

GURUN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bekalan ayam dan telur mencukupi menjelang perayaan Aidilfitri tidak lama lagi.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata bekalan mentah berkenaan didapati tidak berkurangan serta dalam keadaan stabil.

"Kita memantau ladang-ladang penternakan ayam dan telur yang mana kita diyakinkan oleh pihak pengusaha ladang dan pengeluar bahawa bekalan mencukupi untuk musim perayaan nanti.

"Bagi MAFI, kita lihat dari segi bekalan manakala harga akan dikendalikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah HotPack Packaging Industries LLC (Hotpack) dari Emiriah Arab Bersatu (UAE) di sini pada Khamis.

Majlis pecah tanah itu bersempena kerjasama antara syarikat bioteknologi Malaysia, Free The Seed Sdn Bhd yang mengeluarkan produk terbiodegradasi daripada jerami padi, dengan syarikat dari UEA berkenaan pembinaan kilang pertama Hotpack di Asia Tenggara.

Sementara itu, Ronald berkata kos pengeluaran haiwan ternakan ketika ini meningkat kerana harga komponen makanan ternakan yang diimport juga meningkat. - *Bernama*



Ronald (tiga dari kiri) melihat produk yang dihasilkan pada Majlis Pecah Tanah HotPack Packaging Industries LLC di Gurun pada Khamis.

## Sistem AP punca harga makanan asas tinggi

SHAH ALAM - Kerajaan digesa merombak sistem *Approved Permit* (AP) untuk mengimport makanan dengan segera kerana ia menjadi antara punca utama menyebabkan harga makanan asas melonjak.

Ahli Jawatankuasa Pimpinan Parti Amanah Negara (Amanah), Faiz Fadzil berkata, merombak sistem itu merupakan langkah pertama harus diambil kerajaan jika benar mempunyai kesungguhan politik dalam menangani beban kos sara hidup rakyat.

Menurutnya, memandangkan hampir 60 peratus makanan untuk Malaysia diimport dari luar negara, dengan kos import sebanyak RM55.5 bilion pada tahun 2020, liberalisasi sistem AP akan menguntungkan rakyat.

"Sistem AP diperkenalkan kerajaan Barisan Nasional hanya menguntungkan sebilangan kecil pihak diberikan AP, tetapi golongan ini tidak menyumbangkan nilai tambah signifikan untuk sektor agro-makanan negara.

"Menerusi sistem itu, hanya pihak mempunyai AP boleh mengimport makanan asas termasuk beras, ayam, sayur-sayuran dan kelapa untuk dijual kepada pemborong dan peruncit.

"Golongan ini membuat keuntungan atas angin tetapi realitinya keuntungan ini dibayar rakyat Malaysia, maka kerajaan harus mengumumkan secara terbuka semua pemegang AP supaya rakyat boleh menilai bahawa sistem ini hanya menguntungkan kroni," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Dalam pada itu, menurut Faiz, data Jabatan Perangkaan jelas menunjukkan berlakunya ledakan inflasi makanan antara Disember 2019 hingga Februari 2022 dan kenaikan itu jauh melebihi kadar peningkatan gaji rakyat.

"Misalnya, harga tomato telah melonjak 30.6 peratus dalam tempoh ini daripada RM5.19 ke RM6.78 sekilo dan harga telur gred A 10 biji telah naik 14.1 peratus daripada RM3.89 ke RM4.44.

"Harga sekilo ayam naik 17.8 peratus daripada RM8.03 ke RM9.46, manakala harga minyak masak lima kilogram (kg) naik hampir 41 peratus daripada RM20.98 ke RM29.54," katanya.

Beliau menambah, kenaikan gaji di Malaysia adalah jauh lebih rendah dan berdasarkan data Persekutuan Majikan Malaysia, gaji pekerja tahap eksekutif hanya meningkat sebanyak 4.82 peratus dan 4.4 peratus pada 2020 dan 2021.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2022 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 3 |

# Shortage of Grade C chicken eggs in Malacca

**MALACCA:** Malacca is facing a shortage of Grade C chicken eggs due to high demand from food traders, said State Unity, Information, Human Resources and Consumer Affairs Committee chairman Ngwe Hee Sem.

He said the high demand for Grade C chicken eggs was due to the price, which is the cheapest, at only 37 sen each, compared with Grade B (39 sen) and Grade A (41 sen).

"This problem had been detected since December last year. It stabilised in January, but in February the supply decreased due to the Chinese New Year celebration," he said yesterday.

Ngwe said the situation stabilised again in March, but by April there was shortage again due to the fasting month.

He said Grade A and B chicken eggs were plentiful in the local market, with some exported to Singapore.

As such, he urged traders to use Grade A and B eggs as the price did not differ much. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/4/2022 | NST | NEWS IN BRIEF | 8 |

# Grade C eggs shortage in Melaka due to Ramadan

**MELAKA:** Melaka is facing a shortage of grade C chicken eggs due to high demand from food traders, said state Unity, Information, Human Resources and Consumer Affairs Committee chairman Ngwe Hee Sem. He said there was high demand for grade C eggs was because they were the cheapest, at only 37 sen each, compared with grade B (39 sen) and grade A (41 sen) eggs. "This problem has been detected since December. It stabilised in January, but in February, the supply decreased due to Chinese New Year," he said here yesterday. Ngwe said the situation stabilised again last month, but by April, there was a shortage again due to Ramadan. He urged traders to use grade A and B eggs as the prices did not differ much. **Bernama**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/4/2022 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 2 |



**GOING GREEN ...** Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (third from left) and his deputy Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (second from left) looking at biodegradable packaging products at Free The Seed Sdn Bhd, which has partnered with Hotpack Packaging Industries LLC from United Arab Emirates at the firm's plant at the Gurun Industrial Park in Kedah yesterday. – ***BERNAMAPIX***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/4/2022 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Peruntukan RM9.93 juta bantu pesawah terjejas banjir

*MAFI memperuntukkan RM9.93 juta bagi membantu 6,887 pesawah di seluruh kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), yang terjejas banjir serta kejadian padi rebah pada September dan November lepas.*

**ALOR SETAR:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan RM9.93 juta bagi membantu 6,887 pesawah di seluruh kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), yang terjejas banjir serta kejadian padi rebah pada September dan November lepas.

MADA dalam satu kenyataan pada Khamis memaklumkan, peruntukan sebanyak RM1.3 juta menerusi Bantuan Wang Ihsan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) itu, diberikan kepada 956 pesawah di kawasan MADA negeri Perlis pada awal April lepas.

"Pemberian baki RM8.63 juta lagi disempurnakan pada Khamis oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, bagi membantu 5,931 pesawah di kawasan MADA negeri Kedah," menurut kenyataan itu.

Untuk rekod, tabung bencana tanaman itu diwujudkan MAFI sebagai bantuan khas kepada penanam padi yang menghadapi bencana luar jangka seperti serangan wabak, bencana alam dan faktor lain yang tidak dapat dielakkan.

Kenyataan itu memaklumkan banjir disebabkan hujan lebat yang berlaku pada September lepas dan kejadian ribut pada November di seluruh kawasan MADA, telah menyebabkan aliran air menjadi tinggi hingga mengakibatkan tanaman padi rebah.

Sementara itu, menurut kenyataan itu lagi pesawah disaran mematuhi jadual penanaman padi yang dikeluarkan oleh MADA, bagi mengurangkan risiko dilanda banjir.

"Mereka turut dinasihatkan untuk menyelesaikan aktiviti menabur sebelum dan selepas Hari Raya Aidilfitri, bagi mengelakkan kelewatan kemudahan pengurusan bekalan pengairan untuk pertanian.

"Pesawah juga diminta mengoptimumkan penggunaan air hujan di kawasan bendang untuk aktiviti penanaman padi, selain penggunaan Benih Padi Sah (BPS)," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: BISNES PAGE: 33 PRINTED SIZE: 206.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 8,115.00 ITEM ID: MY0047987575



22 APR, 2022

# Peluang produk tempatan tembusi pasaran di Thailand

Harian Metro, Malaysia



## KEMPEN TASTE OF MALAYSIA

# Peluang produk tempatan tembusi pasaran di Thailand

**Kuala Lumpur:** Kedutaan Malaysia di Bangkok kini giat mempromosikan produk Malaysia menerusi kempen *Taste of Malaysia* dan menyasarkan menembusi pasaran Thailand.

Menerusi kerjasama pihak kedutaan melalui Pejabat Penasihat Pertanian, serta gedung runcit Lee Wiwat Store di Songkhla dan Wang Mart Co sebagai pengedar, kempen promosi dalam pasar raya itu mengetengahkan pelbagai produk Malaysia termasuk makanan sejuk beku, snek dan minuman mulai 16 hingga 24 April.

Duta Malaysia di Thailand, Datuk Jojie Samuel berkata, Lee Wiwat Store adalah platform dan peluang baik untuk produk Malaysia menembusi pasaran Thailand memandangkan ia mempunyai 12 cawangan di Songkhla, samping mengukuhkan lagi perdagangan sempadan antara Malaysia dan Thailand.

"Kami merancang memperkenalkan lebih banyak produk Malaysia di Thailand.

"Bagaimanapun, kebolehterimaan pengguna antara cabaran utama. Syarikat mesti yang sudah lama bertapak dan mantap untuk memperoleh penerimaan pengguna. Justeru, untuk menembusi pasaran di sini, usaha itu mengambil masa panjang," katanya.

Beliau berkata Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) serta Pejabat Penasihat Pertanian di Bangkok giat melakukan pelbagai kempen untuk menembusi pasaran Thailand.

Susulan kelonggaran sekatan Covid-19 bagi acara fizikal, lebih banyak program promosi produk makanan Malaysia diadakan tahun ini untuk memastikan jenama Malaysia kekal relevan dan mencatatkan permintaan tinggi dalam pasaran Thailand.

> *Kebolehterimaan pengguna antara cabaran utama. Syarikat mesti yang sudah lama bertapak dan mantap untuk memperoleh penerimaan pengguna"*
>
> **Jojie Samuel**

Sementara itu, Kaunselor di Pejabat Penasihat Pertanian di Bangkok, Hairuddin Maslan berkata, setakat ini, 30 unit penyimpanan stok (SKU) tersenarai di Lee Wiwat Store.

"Pejabat Penasihat Pertanian Bangkok akan bekerjasama dengan agensi di bawah MAFI (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) seperti Fama (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) serta agensi lain seperti Matrade bagi mengenal pasti produk usahawan Malaysia yang berpotensi untuk dipasarkan di Lee Wiwat Store ke arah mencapai sasaran 50 SKU bagi 2022," katanya. -Bernama

AUTHOR: No author available SECTION: BISNES PAGE: 33 PRINTED SIZE: 206.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 8,115.00 ITEM ID: MY0047987575



22 APR, 2022

# Peluang produk tempatan tembusi pasaran di Thailand

Harian Metro, Malaysia



## SUMMARIES

Kuala Lumpur: Ke d u t a a n Malaysia di Bangkok kini giat mempromosikan produk Malaysia menerusi kempen Taste of Malaysia dan menyasarkan menembusi pasaran Thailand. Menerusi kerjasama pihak kedutaan melalui Pejabat Penasihat Pertanian, serta gedung runcit Lee Wiwat Store di Songkhla dan Wang Mart Co sebagai pengedar, kempen promosi dalam pas. raya itu mengetengahkan pelbagai produk Malaysia termasuk makanan sejuk beku, snek dan minuman mulai 16 hingga 24 Apr

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: BUSINESS PAGE: A2 PRINTED SIZE: 199.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,714.00 ITEM ID: MY0047989168



22 APR, 2022

Malaysia launches campaign to promote local products, penetrate Thai market

Borneo Post (Kuching), Malaysia



# Malaysia launches campaign to promote local products, penetrate Thai market

**HATYAI:** The Embassy of Malaysia in Bangkok is aiming to promote Malaysian products and penetrate the Thailand market through the "Taste of Malaysia" campaign.

The embassy is in collaboration with Thailand's Agriculture Counsellor Office, retail chain Lee Wiwat Store in Songkhla and Wang Mart Co as distributors for the campaign, which runs from April 16 to 24, 2022.

Malaysian Ambassador to Thailand Datuk Jojie Samuel said with 12 outlets in Songkhla, Lee Wiwat Store is a good platform for Malaysian products to penetrate Thailand's market and strengthen border trade between the two neighbouring countries.

"We are looking at introducing more Malaysian products into Thailand but consumer acceptability is one of the key challenges.

"A company has to be well-established to gain consumer acceptance so it takes a longer time to penetrate the market here," he told Bernama.



With 12 outlets in Songkhla, Lee Wiwat Store is a good platform for Malaysian products to penetrate Thailand's market and strengthen border trade between the two neighbouring countries. — AFP photo

Jojie said the Malaysia External Trade Development Corporation (Matrade) and the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) office in Bangkok are also collaborating through various initiatives to penetrate the Thailand market.

Meanwhile, Agriculture Counsellor Office, Bangkok, counsellor Hairuddin Maslan said with the ease of Covid-19 restrictions on physical events, more promotional programmes for Malaysian food products will be held this year to ensure that Malaysian brands remain relevant and in high demand in the Thailand market.

"The Agriculture Counsellor Office will work with agencies under MAFI such as FAMA and other agencies such as Matrade to identify products that have the potential to be marketed at Lee Wiwat Store to achieve the target of 50 stock keeping units (SKU) for 2022," he said.

He noted that there are currently 30 SKUs listed at Lee Wiwat Store.

Thailand is Malaysia's 6th largest trade partner in the world and the second biggest in Asean with a value of RM98 billion in 2021.

Economic activities at the border areas account for 50 per cent of total bilateral trade between Malaysia and Thailand.

During the recent visit of Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob to Thailand, both countries committed to continue their close cooperation to realise the bilateral trade target of US$30 billion (US$1=RM4.28) by 2025. — Bernama

isentia
AUTHOR: No author available SECTION: BUSINESS PAGE: A2 PRINTED SIZE: 199.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,714.00 ITEM ID: MY0047989168



22 APR, 2022

# Malaysia launches campaign to promote local products, penetrate Thai market

Borneo Post (Kuching), Malaysia



## SUMMARIES

HATYAI: The Embassy of Malaysia in Bangkok is aiming to promote Malaysian products and penetrate the Thailand market through the "Taste of Malaysia" campaign.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2022 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Malaysia anjur 'Taste of Malaysia' usaha tembusi pasaran Thailand



Thailand merupakan rakan dagang keenam terbesar Malaysia.

KEDUTAAN Malaysia di Bangkok kini giat mempromosikan produk Malaysia menerusi kempen 'Taste of Malaysia' dan menyasar untuk menembusi pasaran Thailand.

Menerusi kerjasama pihak kedutaan melalui Pejabat Penasihat Pertanian, serta gedung runcit Lee Wiwat Store di Songkhla dan Wang Mart Co sebagai pengedar, kempen promosi dalam pasar raya itu mengetengahkan pelbagai produk Malaysia termasuk makanan sejuk beku, snek dan minuman mulai 16 hingga 24 April.

Duta Malaysia di Thailand, Datuk Jojie Samuel berkata, Lee Wiwat Store merupakan platform dan peluang yang baik untuk produk Malaysia menembusi pasaran Thailand memandangkan ia mempunyai 12 cawangan di Songkhla, samping mengukuhkan lagi perdagangan sempadan antara Malaysia dan Thailand.

"Kita merancang untuk memperkenalkan lebih banyak produk Malaysia di Thailand.

"Bagaimanapun, kebolehterimaan pengguna merupakan antara cabaran utama. Syarikat perlulah yang sudah lama bertapak dan mantap untuk memperoleh penerimaan pengguna. Justeru, untuk menembusi pasaran di sini, usaha itu mengambil masa yang panjang," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) serta Pejabat Penasihat Pertanian di Bangkok giat melakukan pelbagai kempen untuk menembusi pasaran Thailand.

Susulan kelonggaran sekatan Covid-19 bagi acara fizikal, lebih banyak program promosi produk makanan Malaysia akan diadakan tahun ini untuk memastikan jenama Malaysia kekal relevan dan mencatatkan permintaan tinggi dalam pasaran Thailand.

Sementara itu, Kaunselor di Pejabat Penasihat Pertanian di Bangkok, Hairuddin Maslan berkata, setakat ini terdapat 30 unit penyimpanan stok (SKU) tersenarai di Lee Wiwat Store.

"Pejabat Penasihat Pertanian Bangkok akan bekerjasama dengan agensi-agensi di bawah MAFI (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) seperti FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) serta agensi lain seperti MATRADE bagi mengenal pasti produk usahawan Malaysia yang berpotensi untuk dipasarkan di Lee Wiwat Store ke arah mencapai sasaran 50 SKU bagi 2022," katanya.

Thailand merupakan rakan dagang keenam terbesar Malaysia di dunia dan kedua terbesar di ASEAN dengan nilai RM98 bilion pada 2021.

Aktiviti ekonomi di kawasan sempadan menyumbang 50 peratus kepada jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dan Thailand.

Semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Thailand baru-baru ini, kedua-dua negara menyatakan komitmen bagi mengukuhkan kerjasama perdagangan antara Malaysia dan Thailand untuk merekodkan AS$30 bilion menjelang 2025.- Bernama

AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 9 PRINTED SIZE: 355.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,646.00 ITEM ID: MY0047988832

22 APR, 2022

## SHMMP Hari Raya Puasa 2022 melibatkan 22 barangan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



# SHMMP Hari Raya Puasa 2022 melibatkan 22 barangan

### Skim dilaksanakan dari 26 April hingga 6 Mei ini bagi menstabilkan harga barangan dan bekalan di pasaran

**PUTRAJAYA: Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2022 dilaksanakan dari 26 April hingga 6 Mei ini melibatkan 22 jenis barangan, umum Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Dato Sri Alexander Nanta Linggi semalam.**

Beliau berkata skim di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 itu dilaksanakan bagi tujuan menstabilkan harga barangan dan bekalan di pasaran menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 3 Mei ini, dan ia melibatkan kategori hasil laut, barangan kering, sayuran dan daging.

"Tempoh kuat kuasa bagi skim ini ialah tujuh hari sebelum perayaan, pada hari perayaan itu sendiri dan tiga hari selepasnya," katanya ketika mengumumkan SHMMP Hari Raya Puasa 2022 di kementeriannya di sini, semalam.



**HARGA MAKSIMUM: Alexander Nanta (tengah) menunjukkan tanda harga pada sidang media bagi mengumumkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2022 yang dilaksanakan selama 11 hari bermula 26 April sehingga 6 Mei melibatkan 22 jenis barangan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Putrajaya, kelmarin.** — Gambar Bernama

Katanya barangan terlibat dalam pelaksanaan skim berkenaan ialah daging lembu tempatan (kecuali bahagian batang pinang); daging lembu import (harga maksimum di Sarawak sahaja) dan daging kerbau import (harga maksimum di Semenanjung, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja).

Bagi kategori ikan pula ia melibatkan ikan kembung termasuk ikan mabung (berat antara lapan ekor hingga 12 ekor setiap kilogram (kg); ikan selayang (berat antara lapan ekor hingga 12 ekor setiap kg); ikan aya/tongkol (berat antara seekor hingga dua ekor setiap kg) dan ikan Demudok/Sagai/Cermin/Cupak (Sabah sahaja).

Kategori sayuran pula melibatkan tomato; cili merah; kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing); kacang panjang; terung panjang; timun; halia tua import; bawang merah besar import; bawang besar Holland; bawang putih (China); cili

AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 9 PRINTED SIZE: 355.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,646.00 ITEM ID: MY0047988832



22 APR, 2022

# SHMMP Hari Raya Puasa 2022 melibatkan 22 barangan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



> "Tempoh kuat kuasa bagi skim ini ialah tujuh hari sebelum perayaan, pada hari perayaan itu sendiri dan tiga hari selepasnya."

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**
*Dato Sri Alexander Nanta Linggi*

kering; kacang tanah; kelapa biji (borong sahaja) dan kelapa parut (runcit sahaja).

Mengenai ketiadaan ayam dalam senarai SHMMP Hari Raya Puasa 2022, Nanta berkata ia berikutan pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam bermula 5 Feb lepas yang masih berkuat kuasa sehingga 5 Jun.

Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengenai Industri Pengeluaran Makanan pada 31 Jan lepas memutuskan harga runcit maksimum bagi ayam standard dikurangkan sebanyak 20 sen kepada RM8.90 daripada harga siling RM9.10 yang ditetapkan.

Sementara itu, Nanta berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menentukan harga maksimum pengeluar, borong dan runcit, adalah berdasarkan kepada maklumat harga daripada beberapa punca.

Antaranya melalui pemantauan harga di semua daerah di seluruh negara sepanjang tahun 2021 dan pada bulan Januari sehingga April 2022 berdasarkan kepada pungutan harga yang ditetapkan secara mingguan oleh kementerian, katanya.

Selain itu katanya harga juga ditentukan menerusi pandangan pelbagai agensi kerajaan berkaitan seperti Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta maklumat dari pengeluar, pengimport, pembekal dan pemborong barangan.

"Penentuan harga barangan bagi negeri-negeri dibuat mengikut kesesuaian harga pasaran semasa dan mengambil kira faktor perubahan harga, khususnya bagi barangan import yang dipengaruhi harga di negara asal, perubahan kadar tukaran mata wang dan peningkatan kos utiliti penternak," katanya.

Nanta berkata peniaga yang gagal mematuhi SHMMP Hari Raya Puasa 2022 boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Bagi kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, individu boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000 manakala syarikat, boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;

Bagi kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal, individu boleh didenda sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000 manakala syarikat boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000. — Bernama

isentia AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 9 PRINTED SIZE: 355.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,646.00 ITEM ID: MY0047988832



22 APR, 2022

# SHMMP Hari Raya Puasa 2022 melibatkan 22 barangan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



## SUMMARIES

Skim dilaksanakan dari 26 April hingga 6 Mei ini bagi menstabilkan harga barangan dan bekalan di pasaran

PUTRAJAYA: Skim Harga MaksimumMusimPerayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2022 dilaksanakan dari 26 April hingga 6 Me ini melibatkan 22 jenis barangan, umum Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Dato Sri Alexander Nan Linggi semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2022 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# 22 barangan disenarai Skim Harga Maksimum Musim Perayaan



Alexander Nanta Linggi (dua dari kanan) menunjukkan 22 jenis barangan ditetapkan harga maksimum semasa pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (HRP) 2022 di Putrajaya pada Khamis.

PUTRAJAYA - Sebanyak 22 jenis barangan akan ditetapkan harga maksimum semasa pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (HRP) 2022 yang melibatkan kategori hasil laut, barangan kering, sayuran dan daging.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, HRP 2022 ini akan berkuat kuasa pada 26 April sehingga 6 Mei 2022 iaitu tujuh hari sebelum, semasa dan tiga hari selepas perayaan.

Menurutnya, ia sebagai langkah menstabilkan harga barangan dan memastikan keberadaan bekalan di pasaran sebelum, semasa dan selepas perayaan.

Selain itu tambahnya, penentuan harga maksimum ayam dan telur ayam juga sedang berkuat kuasa sehingga 5 Jun 2022 sebagai langkah untuk menstabilkan harga ayam dan telur ayam serta memastikan keberadaan bekalannya di pasaran.

"Jumlah barangan harga terkawal bagi pelaksanaan penentuan harga maksimum ayam dan telur ayam serta HRP 2022 adalah melibatkan 28 jenis barangan daripada kategori ayam, telur ayam, sayur, barangan kering, sayuran dan daging," katanya pada sidang media di sini pada Khamis.

Nanta Linggi menambah, bagi negeri-negeri, penentuan harga barangan dibuat mengikut kesesuaian harga pasaran semasa dan mengambil kira faktor perubahan harga.

"Khususnya bagi barangan import yang dipengaruhi oleh harga daripada negara asal, perubahan kadar tukaran mata wang dan peningkatan kos utiliti penternak," jelasnya.

Tegasnya, anggota penguat kuasa KPDNHEP akan berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan setiap hari bagi memastikan pematuhan oleh peniaga sepanjang tempoh pelaksanaan skim ini.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan bekerjasama membuat pemantauan untuk memastikan bekalan barangan adalah mencukupi dan memastikan harga di pasaran adalah berpatutan dan seterusnya memastikan keberadaan bekalan di pasaran," ujarnya.

Beliau turut mengingatkan peniaga, bahawa tindakan tegas akan diambil kepada mereka yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini.

“Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti,” katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai pemantauan harga tiket bas, Nanta Linggi berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan mengenai perkara terbabit.

“Memang kita bersedia untuk bersama Kementerian Pengangkutan dalam hal pemantauan tiket bas ini,” katanya.

isentia
AUTHOR: No author available SECTION: HOME PAGE: 8 PRINTED SIZE: 208.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 1,418.00 ITEM ID: MY0047989363



22 APR, 2022

# 2022 Aidilfitri SHMMP: From April 26 to May 6 involving 22 items

Borneo Post (Kuching), Malaysia



2022 Aidilfitri SHMMP: From April 26 to May 6 involving 22 items

**PUTRAJAYA:** The 2022 Hari Raya Puasa Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) will be implemented for 11 days from April 26 to May 6, involving 22 types of goods, announced Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs (MDTCA) Datuk Seri Alexander Nanta Linggi yesterday.

He said the scheme, enforced under the Price Control and Anti -Profiteering Act 2011, would be implemented to stabilise the price of goods and their supply during Ramadan and the Hari Raya Puasa celebration, which falls on May 3.

The items involved under the 2022 Hari Raya Puasa SHMMP Hari Raya Puasa included those categories as seafood, dried goods, vegetables and meat.

"The effective period for the 2022 Hari Raya Puasa SHMMP is seven days before the festival, on the festival day and three days after the festival day," he said when announcing the scheme at the ministry here yesterday.

Nanta said 22 items listed under the 2021 Hari Raya Puasa SHMMP local beef (except the tenderloin), imported beef (maximum price for Sarawak only) and imported buffalo meat (maximum price for the Peninsula, Sabah and the Federal Territory of Labuan only).

For the fish category, they are mackerel, including mambong; selayang (sardine), aya/ tongkol fish and Demudok/ Sagai/ Cermin/ Cupak (for Sabah only).

For the vegetable category, the items are tomatoes; red chillies; imported round cabbage (from Indonesia and China and does not include Beijing cabbage); long beans; long eggplant; cucumber; imported old ginger, imported large red onions; Holland onions; garlic (from China); dried chillies; groundnut; coconut (wholesale only) and grated coconut (retail only).

On chicken not included in the list, Nanta said it was due to the implementation of the Maximum Price of Chicken and Chicken Eggs last Feb 5, which is still in force until June 5.

The National Action Council on Cost of Living (NACCOL) on food production industry at a special meeting last Jan 31 decided to reduce the maximum retail price for standard chicken by 20 sen to RM8.90 from the RM9.10 ceiling price.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, who chaired the meeting, said the price of chicken eggs for all grades would remain the same as the current control price of the Malaysian Maximum Family Price Scheme (SHMKM).

Meanwhile, Nanta said the MDTCA determined the maximum price at manufacturers, wholesalers and retail levels based on information from several sources, including through price monitoring in all districts throughout the country in 2021 and in January to April 2022.

Apart from that, he said the price was also determined after obtaining the views of various relevant government agencies such as the Malaysian Agriculture Department, Veterinary Services Department (JPV) and the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA), as well as information from manufacturers, importers, suppliers and wholesalers.

"The determination of the price of goods for the states is made according to the current market price and takes into account the factors of price changes, especially for imported goods that are influenced by prices in the country of origin, changes in currency exchange rates and increased utility costs for farmers," he said.

Nanta said traders who failed to comply with the 2022 Hari Raya Puasa SHMMP could be taken action under the Price Control and Anti -Profiteering Act 2011, which provides a maximum fine of RM100,000 or imprisonment for up to three years or both or compound of up to RM50,000 on traders caught selling price-controlled goods in excess of the maximum price.

For companies, the maximum fine is RM500,000 or compound of up to RM250,000, while for failing to display the pink price tag on price-controlled items, individuals can be fined up to RM10,000 or compounded up to RM5,000, while for a company, the fine is up to RM20,000 or compound of up to RM10,000. — Bernama



22 APR, 2022

# 2022 Aidilfitri SHMMP: From April 26 to May 6 involving 22 items

Borneo Post (Kuching), Malaysia



## SUMMARIES

PUTRAJAYA: The 2022 Hari Raya Puasa Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) will be implemented for 11 days f om April 26 t o May 6, involving 22 types of goods, announced Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs (MDTCA) Datu Seri Alexander Nanta Linggi yesterday.

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: A5 PRINTED SIZE: 715.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 10,833.00 ITEM ID: MY0047988678

22 APR, 2022

# Price control for cooking oil extended to May 31

Guang Ming Daily, Malaysia



## 亞歷山大：5公斤瓶装30元以下
# 食油價管制延至531

（布城21日讯）国内贸易及消费人事务部长拿督亚历山大披露，政府已同意将食油价格管制机制延长至5月31日，以便将5公斤瓶装的食油价控制在30令吉以下，以免加剧消费者的负担。

[illegible]

### 面粉补贴计划持续

[illegible]



亚历山大（中）[illegible]（马新社图）

## 便衣執法 防官員離開換價格標籤

[illegible]

## 長達11天 22物品列開齋節統制品

[illegible]

### 违例者将受对付

[illegible]（TKM）

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: A5 PRINTED SIZE: 715.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 10,833.00 ITEM ID: MY0047988678



22 APR, 2022

# Price control for cooking oil extended to May 31

Guang Ming Daily, Malaysia



## SUMMARIES

...吻 '_a»i -v、| ; lbKwH)伸响： 如、a^Sisrr•巧：芬乂二(布城21日讯）国内贸易及消费人事务部长拿督亚历山大披露，
政府已同意将食油价格管制机制延长至5月31日，以便将5公斤瓶装的食油价控制在30令吉以下，
以免加剧消费者的负担。他在出席部门月度集会后提到， 在考量到原棕油价格目前仍是居高不下， 此计划已连续延长了3
次。至于面粉补贴计划则会持续，配额为1年10万吨。他

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/4/2022 | KOSMO | NEGARA | 5 |



ALEXANDER (tiga dari kanan) menunjukkan tanda harga siling penetapan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan sempena hari raya Aidilfitri 2022 di KPDNHEP Putrajaya semalam. – FAISOL MUSTAFA

SHMMP HRP berkuat kuasa bermula 26 April

# Harga 22 barangan keperluan dikawal

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP HRP) 2022 akan berkuat kuasa bermula 26 April hingga 6 Mei ini melibatkan 22 jenis barangan terdiri daripada kategori hasil laut, bahan kering, sayuran dan daging.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pelaksanaannya dijalankan tujuh hari sebelum, semasa dan tiga hari selepas perayaan sebagai langkah menstabilkan harga barangan dan memastikan keberadaan bekalan di pasaran.

Katanya, untuk daging ialah daging lembu tempatan (kecuali bahagian batang pinang), daging lembu import (harga maksimum di Sarawak sahaja), daging kerbau import (harga maksimum di Semenanjung, Sabah dan Labuan sahaja).

"Seterusnya hasil laut iaitu ikan kembung termasuk ikan mabung (berat antara lapan ekor hingga 12 ekor setiap kilogram), ikan selayang (berat antara lapan ekor hingga 12 ekor setiap kilogram), ikan aya, tongkol (berat antara satu hingga dua ekor setiap kilogram) dan ikan demudok, sagai, cermin, cupak (Sabah sahaja).

"Barangan lain ialah tomato, cili merah, kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing), kacang panjang, terung panjang, timun, halia tua import, bawang merah besar import, bawang besar Holland dan bawang putih (China)," kata beliau pada pengumuman Skim Harga Maksimum Musim Perayaan HRP 2022 di sini semalam.

Ujarnya, lain-lain barangan dalam senarai tersebut ialah ubi kentang import (China), cili kering, kacang tanah, kelapa biji (borong sahaja) dan kelapa parut (runcit sahaja).

Berhubung harga ayam dan telur, Alexander berkata, pada 5 Februari lalu, kementerian telah melaksanakan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam dan arahan itu sedang berkuat kuasa sehingga 5 Jun ini sebagai langkah menstabilkan harga produk tersebut selain memastikan keberadaan bekalannya di pasaran.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penentuan harga barangan bagi negeri-negeri dibuat mengikut kesesuaian harga pasaran semasa dan mengambil kira faktor perubahan harga, khususnya bagi barangan import.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2022 | KOSMO | NEGARA | 16 |



# Harga dedak mahal, risau jual daging lembu tidak balik modal

**PONTIAN** – Kenaikan harga makanan ternakan termasuk lembu telah memberikan kesan kepada penternak yang mengharapkan kerajaan dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi itu.

Seorang penternak Salim Adam, 66, berkata, disebabkan itu, dia tidak bercadang untuk menyembelihnya bagi jualan sempena Hari Raya Aidilfitri kerana bimbang 'tidak balik modal'.

Ujarnya, sekiranya bercadang untuk menjual daging lembu, dia perlu menyembelihnya antara empat hingga lima ekor bagi menampung kos yang dikeluarkan untuk pekerja, pengangkutan dan sebagainya.

Menurut Salim, dia pun tidak pasti berapa harga sekilogram daging lembu yang sepatutnya dijual kepada pembeli ketika ini berdasarkan kepada kos kenaikan harga makanan yang mendadak akhir-akhir ini.

"Saya diberi tahu ada penjual yang akan menjualnya dengan harga antara RM38 hingga RM40 sekilogram dan bertambah untuk bahagian tertentu seperti daging batang pinang dan daging ros.

"Penternak sebenarnya serba salah untuk menetapkan harga kerana bimbang pengguna akan menuduh kami sengaja mengambil kesempatan pada musim perayaan ini," katanya ketika ditemui di Kampung Sungai Kuali, Serkat, di sini, baru-baru ini.

Tambah Salim yang mula menceburi bidang ternakan lembu semenjak lima tahun lalu, lebih memberikan tumpuan kepada jualan untuk ibadah korban berbanding menjual daging lembu terus kepada pengguna.

"Anggaran kasar ketika ini bagi seekor lembu kos makanan sebulan sebanyak RM100 selain dedak turut diberikan seperti jerami, tahi minyak, isi rong dan termasuk upah pekerja," ujarnya.



SALIM bersama lembu-lembu ternakannya di Kampung Sungai Kuali, Serkat, Pontian baru-baru ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/4/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |


# Penternak tak sembelih lembu, risau 'tak balik modal'


**Oleh MUHAMMAD ZIKRI**
utusannews@mediamulia.com.my


**PONTIAN:** Kenaikan harga makanan ternakan membuatkan sebilangan penternak tidak bercadang menyembelih lembu bagi jualan daging sempena sambutan Aidilfitri ini kerana bimbang pulangan hasil tidak setimpal modal dikeluarkan.

Sekiranya tetap mahu menyembelih lembu, penternak terpaksa menaikkan harga jualan daging itu bagi menampung kos operasi yang diramal mencecah RM40 sekilogram minggu depan.

Penternak, Salim Adam, 66, berkata, jika mahu menjual daging lembu, dia perlu menyembelih antara empat hingga lima ekor haiwan itu bagi menampung kos upah pekerja, pengangkutan dan lain-lain.

Malah katanya, dia tidak pasti berapa harga sekilogram daging lembu sepatutnya dijual berdasarkan kos kenaikan harga makanan yang naik mendadak akhir-akhir ini.

"Saya diberitahu ada penjual yang akan menjualnya antara harga RM38 hingga RM40 sekilogram dan bertambah untuk bahagian tertentu seperti daging batang pinang dan daging ros.

"Penternak sebenarnya serba salah menetapkan harga kerana bimbang pengguna menuduh kami sengaja mengambil kesempatan pada musim perayaan ini," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Sungai Kuali, Serkat, semalam.



SALIM Adam melihat lembu-lembu ternakan di kandang miliknya di Kampung Sungai Kuali, Serkat di Pontian, Johor. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

Salim yang terlibat dalam ternakan lembu sejak lima tahun lalu berkata, dia lebih memberi tumpuan kepada jualan untuk ibadah korban berbanding menjual daging lembu terus kepada pengguna.

"Anggaran kasar ketika ini bagi seekor lembu, kos makanan sebulan sebanyak RM120 selain dedak turut diberikan seperti jerami, tahi minyak, isi rong selain upah pekerja," jelasnya.

Dia yang memiliki sebanyak 120 ekor lembu ketika ini perlu membelanjakan RM12,000 sebulan bagi menampung kos membeli makanan, tidak termasuk ubat-ubatan bagi mengawal penyakit.

Salim juga tidak pasti bila mendapat pulangan semula modal kira-kira RM250,000 yang dilaburkan pada awal menternak haiwan itu.

"Alhamdulillah bagi ibadah korban tahun lalu, kami menyembelih sebanyak 53 ekor lembu yang ditempah oleh pelbagai pihak seperti jawatankuasa masjid dan surau, pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain.

"Walaupun berlaku kenaikan kos makanan, saya masih menawarkan harga sekitar RM5,500 hingga RM6,000 untuk seekor lembu selain kos tambahan sebanyak RM320 bagi penyembelihan dan pembungkusan," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2022 | KOSMO | NEGARA | 17 |

Aidilfitri suram buat 30 peserta ternakan hidupan air tawar

# Penternak rugi ikan banyak mati

Oleh **NOOR HAYATI MAMAT**

**HULU TERENGGANU** – Harapan menggunung sekumpulan 30 penduduk untuk memperoleh RM10,000 hasil daripada jualan ikan ternakan air tawar berkecai apabila sebahagian besar hidupan itu mati akibat banjir luar biasa Februari lalu.

Peserta projek ternakan kelompok ikan air tawar di Kampung Pantai Ali di sini itu memberitahu, keadaan itu membuatkan sambutan Aidilfitri kali ini agak suram kerana menjadi kebiasaan mereka akan memperoleh angka itu setiap seorang ketika Ramadan saban tahun.

Ketua peserta, Zakaria Ismail, 65, berkata, lebih memburukkan keadaan apabila mereka kerugian lebih RM1.5 juta apabila sangkar ikan dan tempat penetasan anak benih turut musnah.

Katanya, ekoran itu, mereka sekadar mampu memasarkan dua tan metrik ikan air tawar sepanjang bulan Ramadan ini.

"Selalunya kami boleh menjual sekurang-kurangnya 30 tan metrik ikan pada bulan puasa.

"Permintaan terhadap ikan baung, tilapia, keli dan patin yang kami ternak memang mendapat permintaan tinggi khususnya pada bulan Ramadan," katanya ketika ditemui.

Zakaria berkata, kesemua 30 peserta program kerugian lebih RM1.5 juta apabila sangkar ikan dan tempat penetasan anak benih musnah dalam bencana banjir berkenaan.

Beliau berkata, ia merupakan kerugian terbesar pernah dialami peserta projek ternakan ikan air tawar berkenaan dalam tempoh 22 tahun.

"Ujian ini sangat besar sehingga bakal membuatkan sambutan Hari Raya Aidilfitri kami menjadi suram," katanya.

Sementara itu, seorang peserta lain, Mohd Jamaludin Abdullah, 47, berkata, walaupun berat untuk dipikul tetapi mereka reda dan bersangka baik dengan ketentuan Allah.

"Kami tidak akan berputus asa untuk mencari rezeki demi keluarga. Benih ikan baharu akan dimasukkan ke dalam sangkar yang telah dibaik pulih dalam masa terdekat.

"Insya-Allah kami akan tuai hasilnya pada penghujung tahun ini," katanya.



**MOHD. JAMALUDDIN (kanan) dan adiknya, Mohd. Azmi memberi makan ternakan ikan air tawar di Sungai Terengganu berhampiran Kampung Pantai Ali, Hulu Terengganu semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/4/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI TERENGGANU | 29 |

# Sotong murah RM5 sekilogram

Gerai diserbu, peniaga gembira dapat raikan pelanggan

Oleh NORHASPIDA YATIM


Sotong segar yang dijual pada harga istimewa akan diteruskan sehingga sebelum sambutan Aidilfitri.


Sauffian (depan, kiri) melayani pelanggan yang berkunjung ke gerainya yang beroperasi di simpang kebun, Kampung Tualang, Manir di Kuala Terengganu.

**KUALA TERENGGANU**

Tawaran harga istimewa iaitu RM5 bagi satu kilogram (kg) sotong oleh seorang peniaga hasil laut di Kampung Tualang, Manir, di sini mendapat sambutan luar biasa daripada pelanggan.

Sauffian Sauji, 35, berkata, bekalan yang diperoleh secara terus daripada bot nelayan membolehkan dia menjual sotong kecil yang berkualiti itu pada harga rendah.

"Saya jual sotong murah ini lebih kepada untuk meraikan pelanggan. Walaupun pulangan tidak seberapa, saya gembira apabila semua orang dapat merasai sotong pada harga murah.

"Jika dapat banyak bekalan sotong, kita akan memuat naik di laman sosial Facebook untuk memaklumkan kepada pelanggan," katanya.

Jelasnya, sotong bersaiz kecil yang dijual di gerainya sebelum Ramadan itu biasanya habis diserbu pelanggan sejak awal pagi.

"Jualan sotong harga RM5 mula dijual dua hari sebelum puasa. Waktu itu semua nelayan bot pukat tunda pulang ke darat untuk sambut 1 Ramadan di rumah.

"Apabila semua bot masuk, berlaku banyak lambakan sotong sebab hampir semua hasil tangkapan oleh bot berkenaan merupakan sotong bersaiz kecil," ujarnya.

Sauffian berkata, tawaran harga istimewa bagi jualan sotong akan diteruskan sehingga sebelum sambutan Aidilfitri.

Menurutnya, jualan sotong bersaiz kecil di gerainya mencecah 500 hingga 600kg dengan purata 400 hingga 500 pelanggan diterima dalam tempoh sehari.

Sauffian yang mula berniaga hasil laut sejak berusia 18 tahun berkata, terdapat pelbagai gred sotong yang dijual mengikut saiz dan kualiti iaitu gred A (RM40), gred B (RM38), gred C (RM35), gred D (RM25) dan saiz kecil (RM5 hingga RM10).

"Biasanya harga sotong akan jatuh apabila banyak tangkapan sotong oleh kebanyakan bot termasuk hasil daripada mencandat," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2022 | BERITA HARIAN | KOMENTAR | 11 |

# Henti beri subsidi ayam kawal kenaikan harga

Oleh Datuk Dr M Nasir Shamsudin
bhrencana@bh.com.my



Felo Pengajar, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Sejak** tahun lalu, harga ayam mengalami peningkatan ketara sehingga kerajaan terpaksa campur tangan bagi menangani isu ini. Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) juga bermesyuarat hari ini antara lain membincangkan isu harga ayam.

Pada ketika ini, harga runcit ayam proses standard di pasaran adalah RM8.90 setiap kilogram (kg). Harga ayam hidup pula adalah RM7.90/kg. Ini meningkat sebanyak 16.3 peratus daripada RM7.65/kg bagi ayam proses standard pada Mac 2020.

Harga ayam dijangka naik atau dalam paras sekarang sehingga pertengahan tahun ini atau mungkin sehingga akhir tahun ini.

Kita perlu melihat isu ini secara holistik dalam rantaian bekalan makanan yang menjadi faktor menyebabkan kenaikan harga ayam ini. Bagi pengeluaran ayam, sebanyak 70 peratus adalah kos makanan yang mana sebilangan besarnya adalah jagung. Malaysia mengimport dua juta tan jagung bernilai RM1.73 bilion pada 2020.

Harga jagung dunia pula meningkat daripada RM900 bagi satu tan pada 2019 kepada RM1,800 per tan pada Mac 2022. Peperangan di antara Russia-Ukraine memberi impak besar kepada bekalan dan harga jagung memandangkan Ukraine adalah negara kelima terbesar pengeluar jagung.

Secara amnya, struktur pasaran untuk barang makanan asas seperti sayuran dan ayam adalah berbentuk oligopsoni-oligopoli. Syer pasaran bagi empat syarikat terbesar pengeluar ternakan ayam ini melebihi 50 peratus dan bagi 10 syarikat terbesar adalah 62.5 peratus.

Dengan struktur ini, syarikat terbesar ini mempunyai kuasa pasaran untuk mempengaruhi dan menentukan harga pasaran. Bagaimanapun, kita tidak boleh menafikan peranan perantara pasaran *(market intermediaries)* bagi mengedarkan bekalan makanan dari ladang kepada pengguna.

Setakat ini, kerajaan memberi subsidi kepada pengeluar ayam sebanyak 60 sen bagi setiap kg ayam sehingga Jun ini di samping melaksanakan kawalan harga.

Dalam hal ini, sebagai alternatif, kerajaan mungkin tidak perlu meneruskan pemberian subsidi ayam bagi mengawal kenaikan harganya, sebaliknya perlu mengembangkan program perlindungan sosial, iaitu program jaringan keselamatan seperti pemindahan pendapatan dan program pemakanan tertumpu kepada kanak-kanak untuk golongan miskin tegar.

Mekanisme ini membabitkan kawalan harga ditentukan setiap minggu oleh Jawatankuasa Penetapan Harga berdasarkan harga purata mingguan jagung bijiran.

Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil kerajaan, pengeluar, pemborong, peruncit dan pengguna. Dengan penamatan subsidi kepada pengeluar ayam, dana subsidi ini boleh diagihkan kepada golongan miskin tegar.

Mekanisme ini diamalkan di Amerika Syarikat (AS) dalam bentuk Food Stamp Programme. Satu lagi mekanisme berpotensi untuk membendung kenaikan harga makanan dan menstabilkan bekalan adalah dengan mewujudkan stok bahan makanan asas.

Menerus konsep ini, apabila harga pasaran meningkat, pihak berkuasa boleh mengeluarkan barangan makanan penting ke pasaran dan sebaliknya.

Selain itu, pihak berkuasa perlu memantau harga makanan secara berterusan, memastikan penyampaian input pertanian kepada petani secara berkesan, kelancaran operasi logistik rantaian bekalan makanan terjamin, memastikan penyimpanan stok makanan mencukupi sekiranya berlaku keadaan darurat seperti pandemik COVID-19 dan memastikan aliran perdagangan lancar serta memanfaatkan sepenuhnya pasaran antarabangsa sebagai alat penting mendapatkan bekalan dan permintaan makanan.

Dalam jangka masa panjang, negara perlu mencari alternatif makanan ayam. Banyak bahan buangan pertanian yang berpotensi untuk dijadikan makanan ayam.

Buat masa ini, negara mengeksport Palm Kernel Cake (PKC) yang menjadi bahan sampingan industri minyak sawit. PKC digunakan untuk makanan ruminan dan berpotensi dijadikan bahan makanan ayam.

Kerajaan perlu melihat kembali dasar pengeksportan PKC dan menggubal insentif atau dasar fiskal untuk mengurangkan eksport dan berdaya maju untuk makanan ayam.

Satu lagi alternatif yang banyak diperkatakan akhir ini adalah sumber makanan daripada Black Soldier Fly Larve (BSFL). Kajian di tahap industri perlu dijalankan bersama dengan gabungan insentif dan dasar fiskal bagi kedua-dua sumber makanan alternatif ini.